
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semester Ketiga
Sidang Akademik 2007/2008

Jun 2008

PPK 332 - PENDIDIKAN KHAS PERIGKAT AWAL KANAK-KANAK

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN :

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja

...2/-

1. Perkembangan fizikal merupakan salah satu aspek utama dalam perkembangan kanak-kanak. Perkembangan ini berlaku secara berperingkat mengikut satu susunan tertentu. Kadar Perkembangan ini berbeza mengikut rangsangan yang diterima. Perkembangan fizikal berkait rapat dengan perkembangan motor kanak-kanak yang boleh dibahagikan kepada dua, iaitu perkembangan motor kasar dan motor halus.
 - (i) Berdasarkan kenyataan di atas huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan motor kasar dan motor halus seseorang kanak-kanak.

(10 markah)
 - (ii) Bincangkan **LIMA (5)** strategi dalam membantu meningkatkan kemahiran motor kanak-kanak.

(15 markah)

2. Secara umumnya terdapat banyak model yang berhubung dengan keperluan dan kepentingan proses penilaian terhadap kanak-kanak berkeperluan khas. Berdasarkan kenyataan ini bincangkan secara ringkas mengenai **LIMA (5)** model penilaian.

(25 markah)

3. Terdapat beberapa komponen dalam intervensi awal, yang penting dalam membantu kejayaan sesebuah program intervensi. Komponen-komponen ini perlu diberi penekanan sewaktu sesebuah program intervensi dijalankan.
 - (i) Berdasarkan kenyataan di atas, jelaskan **LIMA (5)** komponen intervensi yang dimaksudkan.

(15 markah)
 - (ii) Huraikan tujuan intervensi awal dijalankan.

(10 markah)

4. Terdapat pelbagai teori perkembangan kanak-kanak yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk membantu kanak-kanak berkeperluan khas. Menerusi teori-teori tersebut, guru dapat melakukan analisis tentang diri dan keupayaan anak didiknya menerusi pemerhatian dan aktiviti yang dijalankan. Teori perkembangan juga membantu dalam memberikan kefahaman tentang diri kanak-kanak.
- (i) Huraikan **TIGA (3)** teori yang dikemukakan oleh pengkaji lepas berkaitan aspek perkembangan kanak-kanak.
(15 markah)
- (ii) Berdasarkan teori tersebut, nyatakan aspek-aspek penting yang dapat dikaitkan dengan kanak-kanak berkeperluan khas?
(10 markah)
5. Terdapat banyak strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh diaplikasikan kepada kanak-kanak yang mengalami masalah perkembangan tertangguh. Strategi ini diaplikasikan oleh guru kelas pendidikan khas kepada murid mereka supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif dapat dilaksanakan. Bincangkan strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran untuk memperkembangan kemahiran kognitif kepada kanak-kanak yang mengalami perkembangan tertangguh.
(25 markah)
6. Pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak berkeperluan khas memerlukan pengubahsuaian dari segi teknik, bahan bantu mengajar dan sebagainya.
- (i) Huraikan maksud pengubahsuaian dalam konteks kanak-kanak berkeperluan khas.
(10 markah)
- (ii) Bincangkan bagaimana pengubahsuaian tersebut dilaksanakan terhadap pembelajaran kanak-kanak berkenaan.
(15 markah)